

Sijil Driver 360 Takaful

PENDAHULUAN

Takaful ialah skim bantuan bersama berdasarkan semangat persaudaraan dan perpaduan di mana para Peserta seperti Anda bersetuju untuk saling membantu satu sama lain dari segi kewangan bagi keperluan tertentu. Dengan niat ini, para Peserta membayar Sumbangan mereka berdasarkan Tabarru' (derma) kepada Dana Takaful Am (Dana) yang diuruskan oleh Etiqa General Takaful Berhad (Pengendali Takaful). Pembayaran jumlah yang dilindungi kepada para Peserta dibayar daripada Dana tersebut berdasarkan konsep Tabarru'.

Sebagai Pengendali Takaful, Kami bertanggungjawab memilih para Peserta serta menentukan dan mengumpulkan Sumbangan. Kami juga bertanggungjawab untuk melaburkan Dana dan membayar Manfaat kepada para Peserta yang berhak. Semua hasil daripada pelaburan akan dikreditkan ke dalam Dana. Dana ini dimiliki secara kolektif oleh para Peserta di mana bahagian sumbangan Tabarru' diletakkan untuk tujuan Takaful. Hubungan antara Anda dan Kami ditadbir oleh kontrak Wakalah (perwakilan).

Lebih dari Dana akan ditentukan setiap tahun dan akan dibayar untuk Sijil tahunan. Pengagihan, sekiranya ada, diperuntukkan bagi peruntukan luar jangka, dan tertakluk kepada polisi lebihan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami. Lebihan yang boleh diagih, sekiranya ada, lima puluh peratus (50%) daripadanya dibayar kepada Kami kerana mengendalikan dan menguruskan Dana, berdasarkan kontrak Ju'alah (ganjaran), dan baki lima puluh peratus (50%) akan dikongsi antara para Peserta yang mana Sijil mereka belum ditamatkan dan tidak membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Sekiranya berlaku apa-apa defisit daripada Dana tersebut, tidak akan ada pengagihan lebihan bagi tahun kewangan tersebut. Dalam keadaan sedemikian, defisit akan dibiayai oleh jumlah yang diperuntukkan bagi tujuan luar jangka. Sekiranya Dana tersebut masih defisit, Qard (pinjaman tanpa faedah) akan diatur. Qard akan dibawa ke tahun kewangan yang berikutnya dan sebarang lebihan yang diperolehi selepas itu akan digunakan untuk membayar semula Qard. Jika lebihan adalah kurang daripada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00), Kami akan mengkreditkan jumlah wang itu ke dalam tabung kebajikan yang akan digunakan sebagai Amal Jariah bagi pihak para Peserta.

Pemohonan Anda untuk menyertai skim takaful ini sebagai Peserta telah Kami terima berdasarkan permohonan yang Anda telah tandatangi berserta segala maklumat yang diberikan kepada Kami. Sekiranya Anda tidak mengisi Borang Permohonan, penerimaan Kami adalah berdasarkan kenyataan fakta dan apa-apa maklumat lain yang Anda berikan kepada Kami. Sebagai Peserta, Anda akan menerima perlindungan takaful sekiranya berlaku kematian dan Hilang Upaya Kekal dan lain-lain Manfaat yang mungkin berlaku dalam Tempoh Takaful tertakluk kepada peraturan dan syarat kontrak takaful ini.

Kontrak takaful Anda terdiri daripada Borang Permohonan, Sijil ini dan Jadual. Anda harus menelitinya untuk menentukan ianya menepati perlindungan yang Anda perlukan.

Skim takaful ini adalah tertakluk kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Satu keperluan akta ini ialah penubuhan Jawatankuasa Syariah untuk memberi nasihat kepada Kami supaya tidak terlibat dalam aktiviti yang ditegah oleh Syariah.

APAKAH YANG MEMBENTUK SIJIL INI

Takaful tidak melindungi Anda daripada apa jua yang boleh berlaku.

Tajuk tidak dikira sebahagian daripada pernyataan Sijil.

Sijil ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran Sumbangan seperti yang ditetapkan dalam Jadual dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Permohonan Anda (atau semasa memohon takaful ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh Anda di antara masa penyerahan Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan apa-apa pendedahan lain yang telah Anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak takaful antara Anda dan pihak Kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan Anda atau di dalam mana-mana pendedahan yang Anda berikan, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.

Sijil ini merangkumi terma-terma dan syarat-syarat kontrak takaful seperti yang dipersetujui antara Anda dan pihak Kami.

Sijil ini menyatakan perlindungan takaful yang Anda terima seperti yang ditunjukkan dalam Jadual dan keadaan-keadaan di mana Anda dilindungi dan tidak dilindungi.

Untuk membantu memelihara alam sekitar, Kami akan menghantar satu salinan Sijil sahaja. Sila simpan Sijil ini di tempat yang selamat. Dalam kes pembaharuan dan/atau pindaan syarat Sijil, Kami akan menghantar Jadual pembaharuan dan/atau Endorsement sahaja kepada Anda. Jika pada bila-bila masa Anda mahu salinan penggantian dokumen ini, sila hubungi Kami dan Kami sedia membantu.

KEWAJIPAN ANDA UNTUK MEMBERITAHU KAMI

1. Komunikasi

Semua komunikasi kepada Kami mesti dibuat secara bertulis atau Anda boleh hubungi Etiqa Online di talian 1300 13 8888.

2. Kewajipan pendedahan sebelum takaful ini diberikan

- Apabila Anda telah memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan yang terdapat dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini) sebagai contoh, Anda perlu menjawab dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak takaful Anda, keengganan atau pengurangan gantirugi Anda, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful Anda selaras dengan remedi di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang Anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.
- Jika Anda tidak memberikan maklumat ini dengan sepenuhnya dan sejujurnya, takaful ini mungkin tidak sah atau Sijil mungkin tidak melindungi Anda dengan sepenuhnya.

3. Kewajipan pendedahan sepanjang tempoh takaful ini

Anda dikehendaki memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful ini atau mana-mana Sijil lain yang berkuatkuasa ke atas Anda atau oleh Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang diberikan di

dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini atau Sijil lain) tidak tepat atau telah berubah termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa perubahan dalam pekerjaan Anda, tugas kerja, aktiviti sukan, atau apa-apa maklumat berkaitan yang boleh meningkatkan risiko termasuk sebarang penyakit, kecacatan atau keuzuran fizikal atau mental. Kami mungkin:

- i) meminta Anda membayar Sumbangan tambahan bagi peningkatan risiko tersebut;
- ii) membuat perubahan kepada terma dan syarat Sijil ini; atau
- iii) membiarkan terma, syarat dan Sumbangan Sijil seadanya tanpa diubah.

Anda akan hanya dilindungi untuk apa-apa peningkatan risiko jika dipersetujui secara bertulis oleh pihak Kami.

DEFINISI AM

Barangan bermaksud harta peribadi (barangan kegunaan peribadi dan perhiasan) yang berada di dalam Kenderaan pada masa kemalangan berlaku.

Dana Takaful Am (Dana) bermaksud akaun Peserta di mana bahagian Tabarru' daripada Sumbangan dimasukkan bagi tujuan Takaful. Dana ini dimiliki secara kolektif oleh para Peserta dan Jumlah yang Dilindungi yang ditunjukkan di dalam Jadual Takaful adalah dibayar daripada Dana tersebut.

Had Wilayah bermaksud mana-mana tempat di dalam Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam.

Jadual bermaksud helaian maklumat yang mengandungi butir-butir peribadi Peserta, Manfaat, Sumbangan dan Tempoh Takaful yang dilampirkan bersama Sijil ini. Jadual adalah sebahagian daripada Sijil ini.

Ju'alah ialah kontrak ganjaran. Ia adalah kontrak pertukaran untuk tugas yang diketahui atau tidak diketahui yang sukar untuk ditentukan dan pembayaran perlu dibuat sebaik sahaja tugas tersebut disempurnakan. Berkaitan dengan Sijil ini, ia merujuk kepada ganjaran yang diberikan kepada Kami yang dipersetujui terlebih dahulu oleh Anda dan Kami bagi pengurusan Dana yang baik.

Kecederaan bermaksud kematian atau hilang upaya kekal yang dialami oleh Orang Yang Dilindungi disebabkan oleh kemalangan jalan raya semasa memandu atau sebagai penumpang dan/atau menaiki atau turun daripada Kenderaan tersebut.

Kenderaan bermaksud kenderaan yang dinamakan di dalam Jadual dan berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Malaysia bagi tujuan penggunaan peribadi dan/atau rasmi dan dengan perlindungan komprehensif Motor Takaful.

Nilai Pengembalian Semula bermaksud kos mengganti atau membaiki pulih kehilangan atau harta yang rosak dari jenis atau keadaan yang sama tetapi tidak lebih baik daripada harta yang dilindungi ketika baru.

Orang Yang Dilindungi bermaksud Anda, pemandu yang mendapat kebenaran Anda dan penumpang di dalam Kenderaan yang dinamakan di dalam Jadual.

Pengamal Perubatan bermaksud orang yang berkelayakan dengan ijazah di dalam bidang perubatan barat dan berlesen sah dan dibenarkan untuk mengamalkan perubatan dan pembedahan.

Pengendali Takaful / Kami bermaksud Etiqa General Takaful Berhad.

Penyakit Berjangkit bermakna sebarang penyakit yang boleh merebak melalui sebarang bahan atau agen daripada apa sahaja organisma kepada organisma lain yang mana:

- a) bahan atau agen tersebut terdiri daripada, tetapi tidak terhad kepada, virus, bakterium, parasit atau organisma lain atau ubahannya, sama ada dianggap hidup atau tidak,
- b) cara jangkitan, sama ada langsung atau tidak langsung, termasuk tetapi tidak terhad kepada, cara jangkitan bawaan udara, cara jangkitan cecair badan, cara jangkitan daripada atau kepada sebarang permukaan atau objek, pejal, cecair atau gas atau antara organisma, dan
- c) penyakit, bahan atau agen tersebut boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada kesihatan manusia atau kebajikan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan kepada, kemerosotan, kehilangan nilai, kebolehpasaran atau kehilangan penggunaan harta yang dilindungi di bawah ini.

Perniagaan Takaful bermaksud suatu perniagaan berdasarkan konsep Takaful yang mana matlamat serta operasinya tidak terlibat dengan unsur-unsur yang bercanggah dengan Syariah.

Peserta/Anda bermaksud orang yang dinamakan dan pemilik Kenderaan yang dinamakan di dalam Jadual. Untuk entiti korporat, terma "Dilindungi" yang digunakan di sini merujuk kepada pengguna yang dibenarkan.

Qard dalam konteks Sijil ini, ia bermaksud pinjaman tanpa faedah yang diberikan oleh Kami kepada Dana Takaful Am apabila ia tidak mencukupi untuk menanggung kewajipan Takaful dengan syarat kekurangan tersebut bukan disebabkan oleh salah urus atau kecuaiannya Kami. Pinjaman tersebut akan dibayar semula menggunakan lebihan pada masa hadapan daripada Dana Takaful Am. Jika kekurangan tersebut disebabkan oleh salah urus atau kecuaiannya Kami, Kami akan membuat pemindahan secara langsung untuk kekurangan tersebut.

Sumbangan bermaksud bayaran Takaful yang dibuat oleh Peserta berdasarkan konsep Tabarru'.

Tabarru' bermaksud sumbangan, derma atau hadiah. Dalam konteks Sijil ini, ia bermaksud Sumbangan untuk tujuan Takaful. Bahagian ini disimpan dalam Dana Takaful Am.

Takaful bermaksud suatu skim berlandaskan persaudaraan, perpaduan dan saling bantu membantu yang menyediakan bantuan kewangan bersama dan pertolongan kepada Peserta di dalam keadaan keperluan di mana Peserta bersetuju bersama untuk menyumbang dengan tujuan tersebut.

Tempoh Takaful bermaksud tempoh Takaful yang dinyatakan dalam Jadual.

Wakalah adalah merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya untuk melakukan tugas-tugas tertentu berkenaan hal-hal yang dipertanggungjawabkan, dengan atau tanpa mengenakan sebarang fi. Dalam konteks Sijil ini, ia bermaksud Anda telah melantik Kami untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am bagi pihak Anda. Anda juga memberikan kuasa kepada Kami untuk mewakili hak, tanggungjawab dan kewajipan kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Kami. Sekiranya ada perwakilan sedemikian, Kami akan tetap bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan terhadap Anda.

PERUNTUKAN KHAS

Kehilangan

Sekiranya Anda hilang dan jasad Anda tidak ditemui dalam masa satu (1) tahun selepas kehilangan Anda, Kami akan membayar Manfaat kematian selepas meneliti semua bukti yang ada dan Kami berpuas hati bahawa kehilangan tersebut boleh dianggap bahawa kematian Anda berpunca daripada Kemalangan.

Seterusnya, sekiranya Anda didapati masih hidup, apa-apa bayaran yang telah dibuat mestilah dikembalikan kepada Kami.

SEKSYEN 1 – KEMALANGAN DIRI

Kami akan membayar Anda untuk Kecederaan seperti yang ditakrifkan di dalam Sijil ini:

Pampasan untuk manfaat kematian atau kehilangan upaya seperti yang diuraikan di bawah sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami kecederaan dalam masa seratus lapan puluh (180) hari daripada tarikh Kecederaan.

Skala Manfaat		
Item	Manfaat	Pampasan
1A	Kematian Akibat Kemalangan	Jumlah Yang Dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual
1B	Hilang Upaya Kekal Keseluruhan (seperti yang dinyatakan di bawah)	Peratusan (Jumlah Yang Dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual)
	i. Kehilangan kedua-dua belah tangan atau Kedua-dua belah kaki	100%
	ii. Kehilangan sebelah mata dan sebelah tangan atau sebelah kaki	100%
	iii. Lumpuh semua anggota secara keseluruhan	100%
	iv. Kehilangan penglihatan pada kedua-dua mata	100%
1C	Hilang Upaya Kekal Separa (seperti yang dinyatakan di bawah)	Peratusan (Jumlah Yang Dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual)
		Peratusan yang boleh dibayar adalah dinyatakan di bawah untuk setiap Manfaat, tetapi secara keseluruhan tidak melebihi 100% bagi setiap Orang Yang Dilindungi.
	i. Kehilangan sebelah kaki atau tangan	50%
	ii. Kehilangan penglihatan sebelah mata	50%
	iii. Kehilangan empat jari dan ibu jari pada sebelah tangan	50%
	iv. Kehilangan pendengaran kedua-dua telinga	50%
	v. Kehilangan pertuturan	50%
	vi. Kehilangan semua jari kaki	15%
1D	Perbelanjaan Perubatan Bayaran atau caj perubatan, pembedahan, caj hospital, rumah penjagaan dan penjagaan yang dikenakan dalam tempoh 52 minggu daripada tarikh Kecederaan, dengan syarat bahawa kesemua bayaran atau caj sedemikian adalah dikenakan secara perlu dan munasabah bagi khidmat-khidmat profesional daripada seorang Pengamal Perubatan, doktor, pakar bedah atau jururawat yang berkecuali penuh dan berdaftar dan/atau di sebuah hospital yang telah ditentukan oleh Pengamal Perubatan, doktor atau pakar bedah.	Pembayaran balik sehingga Jumlah Yang Dilindungi yang dinyatakan di dalam Jadual berkenaan dengan setiap Orang Yang Dilindungi di dalam mana-mana satu kemalangan.

HAD-HAD PAMPASAN BERKENAAN DENGAN MANA-MANA SATU ORANG YANG DILINDUNGI

- Pampasan tidak boleh dibayar bagi:
 - Lebih daripada mana-mana satu kecederaan khusus di bawah Manfaat 1B dan/atau Manfaat 1C di mana, bagi Kecederaan yang sama, pampasan boleh dibayar untuk bahagian lain di dalam Manfaat 1B dan/atau Manfaat 1C yang merangkumi kecederaan khusus itu.
 - Lebih daripada 100% secara agregat bagi mana-mana atau kesemua Manfaat 1B dan/atau Manfaat 1C untuk mana-mana satu Orang Yang Dilindungi.
- Pampasan boleh dibayar bagi kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah pada masa terjadinya kemalangan, akan layak menerima 50% daripada semua had manfaat seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.
- Tiada bayaran pampasan untuk Manfaat 1D sekiranya terdapat mana-mana perlindungan takaful/insurans lain yang berkuat kuasa yang melindungi kerugian tersebut atau sekiranya Anda atau Orang Yang Dilindungi berhak menerima pampasan daripada mana-mana sumber lain, dengan syarat bahawa Kami tidak dilepaskan daripada liabiliti di bawah Manfaat ini sejauh mana berkenaan dengan mana-mana lebihan yang melebihi amaun yang boleh dibayar di bawah takaful/insurans atau ganti rugi lain tersebut.

SEKSYEN 2 – SEWA / ELAUN KERETA

Jika Kenderaan yang dinamakan memerlukan pembaikan selepas kemalangan, Kami akan membayar balik kepada Anda kos menyewa kereta daripada syarikat sewa kereta berlesen, tertakluk kepada pelan yang dilindungi dan mengikut had yang telah dinyatakan di dalam Jadual.

ATAU - atas pilihan Anda, bayaran balik di atas boleh digantikan dengan elaun kereta, tertakluk kepada had yang telah dinyatakan di dalam Jadual.

Dengan bayaran sumbangan tambahan, lanjutan hari untuk perlindungan sewa atau elaun kereta adalah dibenarkan dan tertakluk kepada had seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.

Dengan syarat :

1. Pembaikan hendaklah dilakukan di mana-mana bengkel yang sah dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh kemalangan.
2. Kami tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa perbelanjaan yang dikenakan di bawah Seksyen ini melainkan pembaikan yang dilakukan di mana-mana bengkel yang dibenarkan melebihi dua (2) hari dan tanggungan Kami di bawah Seksyen ini adalah dikenakan hanya kepada jangka masa sedemikian yang melebihi dua (2) hari.
3. Setelah penyelesaian tuntutan, manfaat di bawah lanjutan ini akan tamat melainkan ianya telah dikembalikan semula dan sumbangan tambahan telah dibayar.

SEKSYEN 3 – BAYARAN BALIK PENGINAPAN HOTEL

Jika Kenderaan yang dinamakan tidak dapat bergerak akibat kemalangan yang berlaku lebih daripada 100 km dari alamat Anda seperti yang dinyatakan dalam Jadual, Kami akan membuat bayaran balik untuk tuntutan bagi kos penginapan, terhad kepada caj bilik hotel untuk dua (2) hari bergantung kepada pelan yang dilindungi dan tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam jadual.

Dengan syarat :

1. Anda mesti mendaftar masuk di tempat penginapan di bandar yang terdekat dengan tempat kemalangan untuk malam tersebut.
2. Semasa kejadian tersebut, Anda sedang menaiki kenderaan yang dinamakan sebagai pemandu atau penumpang.
3. Setelah penyelesaian tuntutan, manfaat di bawah lanjutan ini akan tamat melainkan ianya telah dikembalikan semula dan sumbangan tambahan telah dibayar.

SEKSYEN 4 – KEHILANGAN ATAU KEROSAKAN BARANGAN PERIBADI

Kehilangan atau kerosakan barangan kepunyaan Anda semasa berada dalam Kenderaan yang dinyatakan dalam Jadual disebabkan oleh atau akibat daripada kemalangan.

Dengan syarat bahawa Kami tidak bertanggungjawab bagi:-

1. Kehilangan secara langsung atau tidak langsung daripada:
 - a) perbuatan yang disengajakan atau kecuai atau kurang berhati-hati oleh Anda
 - b) kehilangan misteri
2. Kelengkapan dan aksesori kereta yang dianggap kelengkapan umum kenderaan bermotor termasuk penyaman udara dan tayar simpanan dan termasuk radio/perakam pita/pemain cakera padat dan yang seumpamanya.

Syarat-syarat khas di bawah seksyen ini:

1. Barangan yang hilang atau rosak perlu disenaraikan di dalam laporan polis dan bukti pembelian barangan tersebut perlu diserahkan semasa tuntutan dihantar.
2. Jika bukti pembelian bagi barangan tersebut tiada, Kami berhak untuk membayar tuntutan pada Nilai Pengembalian Semula setelah ditolak kadar susut nilai atau tambah nilai berdasarkan penilaian kami

PENGECUALIAN AM (TERPAKAI KE ATAS SEMUA SEKSYEN)

Kami tidak akan membayar sebarang Manfaat di bawah Sijil ini yang berpunca atau disebabkan oleh/daripada atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut:

1. Kecelakaan, kerosakan, kos atau perbelanjaan daripada apa-apa keadaan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, terhasil daripada atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut tidak kira apa-apa sebab lain atau kejadian yang menyumbang serentak atau dalam apa-apa turutan kepada kerugian:
 - a) Pengionan radiasi daripada atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada mana-mana sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuclear;
 - b) Bahan radioaktif, toksik, letupan atau bahan berbahaya atau pencemaran lain daripada apa-apa pembinaan nuklear, reaktor atau apa-apa pemasangan nuklear atau komponen nuklear daripadanya;
 - c) Apa-apa senjata perang yang menggunakan pemisahan atom atau nuklear dan/atau gabungan atau reaksi seumpama yang lain atau kuasa atau bahan radioaktif.
2. Kecelakaan yang disebabkan oleh:
 - i) Bunuh diri, mencederakan diri sendiri atau pendedahan kepada bahaya dengan sengaja (selain daripada cubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia);
 - ii) Kehamilan, bersalin, keguguran atau pengguguran anak;
 - iii) Di bawah pengaruh dadah (selain daripada preksripsi oleh pengamal perubatan yang berdaftar tetapi bukan apabila dipreskripsikan untuk rawatan penagihan dadah);
 - iv) Di bawah pengaruh alkohol;
 - v) Kenderaan yang digunakan untuk perlumbaan, rali jalanan, ujian kelajuan yang menentukan rentak atau penggunaan bagi apa-apa tujuan berkaitan dengan perniagaan motor;
 - vi) Kenderaan yang digunakan untuk usaha perniagaan yang tidak sah sebagai pengangkut yang tidak berlesen;
 - vii) Keganasan tidak termasuk kematian, hilang upaya, kerugian, kerosakan, kemusnahan, apa-apa liabiliti undang-undang, kos atau perbelanjaan termasuk kerugian turutan dalam apa jua bentuk, secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, atau yang timbul daripada atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut walau apa-apa sebab lain atau kejadian yang menyumbang serentak atau dalam apa-apa turutan kepada kerugian:
 - i) Peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, pertempuran atau operasi seperti perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, penderhakaan, revolusi, pemberontakan, kekacauan awam dengan andaian sebahagian daripada atau dimaksudkan oleh pemberontakan, ketenteraan atau rampasan kuasa;
 - ii) Mana-mana perbuatan keganasan termasuklah tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan, ancaman dan/atau memudaratkan atau merosakkan nyawa atau harta (atau ancaman memudaratkan atau merosakkan) termasuk, tetapi tidak terhad kepada, radiasi nuklear dan/atau meletakkan orang awam atau sebahagian orang awam dalam ketakutan;
 - iii) Apa-apa tindakan yang diambil dalam mengawal, menghalang, menindas atau dalam apa-apa cara berkaitan dengan 1 atau 2 di atas.

Jika Kami mendakwa dengan alasan pengecualian ini, apa-apa kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang tidak dilindungi oleh Takaful ini, tanggungjawab membuktikan sebaliknya adalah terletak kepada Anda.

- iv) Kemalangan yang terjadi di luar Had Wilayah.

3. Kecelakaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhannya atau sebahagiannya oleh:
 - a) Jangkitan bakteria.
 - b) Apa-apa jenis penyakit lain,

- c) Rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali seperti yang mungkin perlu semata-mata oleh Kecederaan yang dilindungi oleh Sijil ini dan dijalankan dalam tempoh masa yang diperuntukkan dalam Sijil);
 - d) Atau timbul daripada atau diakibatkan atau disebabkan oleh HIV (Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia) dan/atau mana-mana penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau Kerumitan Berkaitan AIDS (ARC), walau bagaimana ia disebabkan dan/atau apa-apa derivatif mutan, variasi atau rawatan daripadanya.
4. Kecederaan yang berlaku ke atas pemandu yang tidak memiliki lesen memandu yang sah untuk memandu kenderaan atau yang tidak berkelayakan untuk memiliki atau memperolehi lesen memandu sah di bawah undang-undang dan peraturan Akta/Ordinan Pengangkutan Jalan Malaysia, Singapura atau Brunei.
 5. Tuntutan undang-undang umum untuk kerosakan yang ditanggung oleh penumpang terhadap pemandu bagi kecuai, kelalaian atau kesalahan di mana-mana sahaja di dalam Had Wilayah.
 6. Penyakit Berjangkit atau keseimbangan atau ancaman (sama ada sebenar atau dianggap) sesuatu Penyakit Berjangkit.

SYARAT-SYARAT AM

Syarat yang terkandung dalam Sijil atau dalam mana-mana Endorsemen adalah sebahagian daripada kontrak dan mestilah dipatuhi. Ini adalah syarat-syarat terdahulu untuk menuntut hak terhadap Kami.

1. Fakta Material

Sijil ini boleh menjadi batal dalam keadaan salah nyata, salah gambaran, atau tidak pendedahan mana-mana fakta material.

2. Notis

Anda hendaklah memberitahu Kami secara bertulis dengan serta-merta apabila Anda mengetahui apa-apa perubahan dalam penggajian, pekerjaan, tugas atau aktiviti mana-mana Orang Yang Dilindungi, atau perubahan-perubahan lain yang boleh meningkatkan kemungkinan untuk tuntutan di bawah Sijil ini. Anda mungkin dikehendaki untuk membayar Sumbangan tambahan berdasarkan perubahan tersebut.

3. Pelepasan

Penerimaan Anda atau wakil Anda yang sah atau mana-mana individu yang kepadanya apa-apa manfaat dinyatakan perlu dibayar, dalam semua kes, akan melepaskan liabiliti Kami secara efektif.

4. Tunai Sebelum Perlindungan

Adalah asas dan syarat keistimewaan mutlak bagi kontrak Takaful ini bahawa sumbangan penuh perlu dibayar dan diterima oleh pihak Kami sebelum perlindungan Takaful di bawah Sijil ini, Endorsmen atau Pembaharuan, yang mana bekemungkinan akan bermula. Jika syarat ini tidak dipatuhi, Sijil ini akan terbatal dan tidak sah secara automatik.

5. Faedah dan Matawang

Semua bayaran di bawah Sijil Takaful ini perlu dibayar mengikut Ringgit Malaysia.

6. Kelayakan

Untuk layak mendapat perlindungan Takaful ini, Anda mestilah warganegara Malaysia atau Penduduk Tetap Malaysia yang berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun dan tidak melebihi tujuh puluh (70) tahun pada tarikh Tempoh Takaful berkuatkuasa. Sijil ini akan diperbaharui sehingga umur maksimum tujuh puluh lima (75) tahun.

7. Pembaharuan

Sijil ini boleh diperbaharui dari tahun ke tahun dengan persetujuan bersama antara Anda dengan pihak Kami, tetapi akan tamat apabila mana-mana Orang Yang Dilindungi mencapai umur tujuh puluh lima (75) tahun pada akhir Tempoh Takaful.

8. Pembatalan

Anda boleh membatalkan Sijil ini pada bila-bila masa melalui notis bertulis. Pemulangan sumbangan adalah berdasarkan kadar pro rata. Kami boleh membatalkan Sijil atau mana-mana Seksyen dalam Sijil ini dengan menghantar notis tujuh (7) hari melalui surat penghantaran yang direkodkan atau surat berdaftar ke alamat terakhir anda yang diketahui. Pemulangan Sumbangan adalah tertakluk kepada tempoh Sijil berkuatkuasa dan dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat dalam Tempoh Takaful.

9. Timbangtara

Semua perselisihan yang timbul daripada Sijil ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbangtara yang akan dilantik secara bertulis oleh kedua-dua pihak, atau jika mereka tidak bersetuju dengan seorang Penimbangtara, dan memerlukan keputusan dua orang Penimbangtara, seorang Penimbangtara akan dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dan dalam kes Penimbangtara-penimbangtara tersebut tidak bersetuju dengan keputusan seorang Wasit yang telah dilantik secara bertulis oleh Penimbangtara-penimbangtara sebelum membuat rujukan. Wasit tersebut hendaklah duduk bersama-sama dengan Penimbangtara-penimbangtara dan mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat mereka dan pemberian suatu Award adalah sebagai syarat terdahulu bagi apa-apa hak untuk bertindak terhadap kami. Jika kami menolak tuntutan liabiliti kepada anda atau wakil peribadi untuk mana-mana tuntutan menurut dokumen ini dan tuntutan sedemikian tidak dirujuk kepada timbangtara di bawah peruntukan yang terkandung di dalam dokumen ini dalam masa dua belas bulan (12) kalendar dari tarikh penolakan tuntutan tersebut, maka tuntutan tersebut adalah disifatkan telah ditinggalkan untuk semua tujuan dan tidak boleh dituntut kembali kemudiannya.

10. Perubahan kepada Percukaian, Peraturan dan Perundangan

Kami boleh mengubah terma-terma dalam Sijil ini jika terdapat perubahan dalam percukaian, peraturan atau perundangan yang menjejaskan Sijil ini. Kami akan memaklumkan Anda secara bertulis apabila terma-terma dalam Sijil ini perlu diubah.

SYARAT-SYARAT TUNTUTAN

1. Syarat Terdahulu

Bayaran tuntutan di bawah Sijil ini adalah bergantung kepada pematuhan terma dan syarat oleh Anda, dan setakat mana ia terpakai, oleh Orang Yang Dilindungi atau mana-mana pihak menuntut.

2. Pemberitahuan Kemalangan

Anda mestilah melaporkan maklumat penuh secara bertulis kepada Kami dalam masa tiga puluh (30) hari tentang apa-apa Kecederaan yang mungkin mengakibatkan tuntutan di bawah Sijil ini.

3. Pemeriksaan Perubatan

Orang Yang Dilindungi hendaklah mendapatkan perkhidmatan Pengamal Perubatan yang berdaftar dan hendaklah menjalani mana-mana rawatan yang dianggap perlu oleh Pengamal Perubatan berkenaan. Orang Yang Dilindungi mungkin perlu menjalani pemeriksaan perubatan lanjut mengikut keperluan Kami, atas tanggungan Kami.

4. Dokumen

Semua laporan perubatan, sijil, maklumat dan keterangan mestilah dikemukakan atas tanggungan Anda atau atas tanggungan mana-mana pihak menuntut dalam bentuk dan keadaan yang dikehendaki. Dalam kejadian kematian Orang Yang Dilindungi, Kami memerlukan sijil kematian sebagai bukti dan mungkin memerlukan pemeriksaan post-mortem dibuat atas tanggungan Kami.

5. Kapasiti Tempat Duduk

Dalam keadaan bilangan sebenar Orang Yang Dilindungi melebihi kapasiti tempat duduk yang tercatat dalam kad pendaftaran Kenderaan yang dinamakan, had liabiliti Kami bagi setiap Orang Yang Dilindungi untuk semua Seksyen, akan dikurangkan secara berkadar mengikut bilangan sebenar Orang Yang Dilindungi dalam Kenderaan yang dinamakan itu.

6. Salah Nyata

Anda atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Anda tidak boleh membuat apa-apa tuntutan menipu, palsu atau dibesar-besarkan, jika tidak, Kami tidak mempunyai kewajiban untuk membuat apa-apa pembayaran di bawah Sijil ini.

Peserta/Orang Yang Dilindungi hendaklah membaca Sijil ini dengan teliti, dan jika terdapat apa-apa kesilapan atau salah gambaran ditemui dalam Sijil ini, atau jika perlindungan didapati tidak mengikut keperluan Peserta/Orang Yang Dilindungi, sila maklumkan kepada Pengendali Takaful dengan serta-merta dan kembalikan Sijil tersebut.

KENYATAAN MAKLUMAT SIJIL

1. Sekiranya terdapat sebarang perubahan alamat, sila maklumkan kepada Kami dengan segera.
2. Untuk sebarang pertanyaan selain dari tuntutan, sila hubungi Kami di:

Honda Malaysia Sdn Bhd
Level 4 CP Menara No. 11 Jalan 16/11
Pusat Dagangan Seksyen 16
46350 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
Nombor Telefon: +603 7953 2000
Nombor Faksimile: +603 7652 2440

Atau Anda boleh hubungi:
Etika General Takaful Berhad
Level 13, Menara B, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia
Nombor Telefon: +603 2297 3888
Nombor Faksimile: +603 2297 3800
Etika Oonline: 1300 13 8888
E-mel: info@etika.com.my
Laman Utama: www.etika.com.my
3. Untuk sebarang tuntutan di bawah Sijil ini, sila hubungi Pembantu Tuntutan Kami di talian 1300 88 1007.

PROSEDUR ADUAN

Sekiranya Anda dapati perkhidmatan Kami memerlukan penambahbaikan, sila berikan Kami maklum balas Anda dengan menghubungi Kami melalui pos di:

Unit Pengurusan Aduan
Etika General Takaful Berhad
Aras 6, Menara B, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur, Malaysia;

Atau melalui telefon 1300 13 8888 atau +603 2780 4500 (Luar Negara)
E-mel: complaint_cmu@etika.com.my

Kami akan memastikan maklum balas Anda dilayani.

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) dan Bank Negara Malaysia Laman Informasi, Nasihat & Khidmat (BNMLINK) juga menyediakan pendekatan alternatif dalam memberikan peluang kepada ahli di kalangan orang ramai untuk membetulkan amalan pasaran yang tidak adil.

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA FMOS

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) boleh dihubungi oleh Pihak Menuntut atau Peserta, sekiranya Pihak Menuntut atau Peserta tidak berpuas hati dengan keputusan Etika General Takaful Berhad terhadap sebarang pertikaian, atau kegagalan Etika General Takaful Berhad untuk memberi maklum balas terhadap sebarang aduan dalam tempoh enam puluh (60) hari. Anda boleh menghubungi FMOS melalui:

Talian Am: +603 2272 2821
atau
Alamat Pos:
Ketua Pegawai Eksekutif
Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (No syarikat: 200401025885)
(Dahulu dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No.4, Jalan Sultan Sulaiman
50000, Kuala Lumpur

Sebagai alternatif, Pihak Menuntut atau Peserta boleh memfailkan pertikaian itu secara peribadi di pejabat FMOS.

FMOS perlu dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan muktamad dari Etika General Takaful Berhad berkenaan pertikaian yang dibuat Pihak Menuntut atau Peserta.

Untuk maklumat lanjut mengenai FMOS, sila dapatkan risalah maklumat daripada Etika General Takaful Berhad atau layari laman web FMOS di www.fmos.org.my.

Penglibatan FMOS adalah tertakluk kepada terma-terma rujukan menurut Seksyen 138 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Menghubungi FMOS tidak akan menjejaskan hak Pihak Menuntut atau Peserta untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Etika General Takaful Berhad sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keputusan oleh FMOS.

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA BNMLINK

Mana-mana Peserta atau Pihak Menuntut yang tidak berpuas hati dengan cara pengendalian Pengendali Takaful boleh mengemukakan pertanyaan, aduan, atau maklum balas kepada BNMLINK.

Butiran perhubungan adalah seperti berikut:

BNMLINK
4th Floor, Podium Bangunan AICB
No. 10, Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Nombor telefon: 1300 88 5465
BNMLINK Portal: bnm.gov.my/BNMLINK